

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR BIN IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
MAJLIS KESYUKURAN & KERAIAN BADAN KEBAJIKAN STAF  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG 2017  
PADA HARI JUMAAT, 26 MEI 2017; PUKUL 3:30 PETANG  
DI DEWAN BANKUET CANSELERI TUN RAZAK, UMP PEKAN**

---

**SALUTASI**

Saudara Pengacara Majlis,

Encik Khairul Amri Abdul Aziz;

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Encik Abd. Hamid Majid,

Pendaftar;

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Encik Zainudin Othman,  
Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Datin Wan Maizurina Wan Othman  
Penasihat Undang-undang;

Dr. Mohamad Hilmi Mat Said,  
Pengerusi, Badan Kebajikan Staf UMP (BKSU);

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah  
dan Ketua-ketua Pusat tanggungjawab;

Para warga kerja dan ahli keluarga yang diraikan;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

### **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Majlis Kesyukuran dan Keraian BKSU 2017 pada hari ini.
2. Sesungguhnya saya amat sukacita kerana majlis pada petang ini bukan hanya istimewa dalam konteks manifestasi apresiasi kepada warga kerja dan ahli keluarga yang berkenaan, tetapi juga mencerminkan kesyukuran kita untuk menjalani ibadah puasa fardhu bulan Ramadhan yang *Insyallah*, akan bermula pada hari esok.
3. Pelaksanaan majlis ini pada hemat saya merupakan satu inisiatif sokongan yang penting terhadap usaha pihak pengurusan UMP dalam konteks perkhidmatan kebajikan bagi tujuan peningkatan kesejahteraan dalam kalangan warga kerja Universiti ini.

4. Dalam hubungan tersebut, pihak pengurusan amat mengalu-alukan sebarang inisiatif dari persatuan-persatuan kakitangan seperti yang dilaksanakan oleh BKSU pada petang ini yang membuktikan keprihatinan kita terhadap kesejahteraan hidup warga kerja UMP dan anggota keluarga mereka.
5. Ini merupakan satu aspek penting yang perlu diberi perhatian bagi membangunkan sebuah organisasi mesra pekerja (*employee-friendly*) yang lestari dengan budaya keprihatinan yang mendalam di setiap peringkat perkhidmatan.
6. Tanggungjawab untuk mewujudkan iklim dan budaya positif tersebut tidaklah hanya terletak pada pihak pengurusan semata-mata, tetapi sewajarnya turut dikongsi dan dikongsi dan diupayakan semua tujuh pertubuhan yang mewakili pelbagai lapisan warga kerja UMP iaitu BKSU, Koperasi UMP Berhad, Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Persatuan Kakitangan Akademik UMP (PAKAD), Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP (PPTI), Persatuan Setiausaha UMP (Srikandi) dan Kesatuan Staf Sokongan UMP (KESUMP).

## **MOTIVASI KERJA DAN TUNTUTAN PERKHIDMATAN**

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Cabaran tadbir urus organisasi berikutan iklim ekonomi semasa tidak sewajarnya melemahkan semangat atau mengurangkan motivasi warga kerja Universiti ini. Ibadah puasa yang akan kita jalani kelak juga merupakan satu bentuk pendidikan rohani kepada kita untuk membina kelasakan minda, kekentalan jiwa dan ketahanan fizikal sebagai warga kerja yang berdaya maju.

8. Pada masa yang sama, kita juga sedang menghampiri pertengahan tahun 2017 yang turut hadir bersama bulan Ramadhan. Sebagaimana lazim bagi kita sebagai penjawat di Universiti ini, semakan semula Sasaran Kerja Tahunan (SKT) perlu dilakukan pada setiap pertengahan tahun bagi melihat pencapaian semasa perkhidmatan kita bagi memastikan kemampanan dan kemapanan prestasi pada koordinat yang tepat hingga akhir tahun ini.

9. Pada masa yang sama, kita juga tercabar dengan tuntutan pengisian agenda Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang memasuki tahun kedua pelaksanaannya pada tahun ini. Cabaran pelaksanaan tuntutan-tuntutan perkhidmatan tersebut mungkin sedikit sebanyak memberi tekanan kepada para personel dan pusat-pusat tanggungjawab.
10. Maka itulah, pihak pengurusan menyedari bahawa pengwujudan suasana *employee-friendly* di UMP sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi mampu menyuntik motivasi kepada warga kerja kita untuk terus komited menyumbang khidmat dengan penuh dedikasi, apatah lagi jika tuntutan perkhidmatan tersebut dilihat sebagai satu ibadah.
11. Cabaran inilah yang memerlukan penggemblengan sinergi secara teraraha antara pihak pengurusan dengan semua pertubuhan kakitangan UMP yang dinyatakan tadi selain meraikan platform lain yang sedia ada seperti Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan *Employee Assistance Programme* (EAP).

12. Maka suka saya menyarankan kepimpinan BKSU untuk turut memberi komitmen berterusan terhadap inisiatif sokongan seperti acara pada petang ini yang menyumbang kepada peningkatan motivasi dan kesejahteraan warga kerja UMP dengan meraikan pencapaian mereka dan juga kejayaan anggota keluarga mereka.
  
13. Saya yakin bahawa sekiranya semua pihak yang berkenaan mengambil komitmen tersebut sebagai satu agenda yang serius, maka iklim *employee-friendly* dalam organisasi kita dapat dilestarikan dengan suntikan semangat silaturrahim, mahabbah dan persefahaman.

### **APRESIASI KEPADA STAF DAN ANGGOTA KELUARGA**

14. Tuan-tuan dan puan-puan,

Selain manifestasi kesyukuran kita atas kehadiran bulan Ramadhan bagi tahun 1438 Hijrah, saya turut difahamkan bahawa acara pada petang ini turut bertujuan meraikan empat staf UMP yang bakal menunaikan fardhu haji pada tahun ini dan juga 11 anak staf kita yang berjaya mencapai keputusan cemerlang dalam

peperiksaan PT3 dan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2016 yang lalu.

15. Justeru, sukalah saya terlebih dahulu mengucapkan selamat berangkat ke Tanah Suci dan selamat menunaikan ibadah haji kepada para bakal haji dan hajah dari kalangan rakan-rakan sekerja kita iaitu Profesor Dr. Kamarul Hawari Ghazali dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli pasangan suami isteri dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan iaitu Encik Azwin Arif Abdul Rahim dan Dr. Nor Yazi Khamis.
  
16. Kepada para bakal haji dan hajah ini, didoakan semoga kalian dapat menempuh cabaran dan ujian ibadah fardhu tersebut dengan penuh kesabaran dan ketabahan dan mudah-mudahan dikurniakan haji yang mabrur oleh Allah Ta'ala.



17. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada anak-anak warga kerja kita yang turut diraikan pada petang ini atas pencapaian akademik mereka di peringkat PT3 dan SPM. Selain kerja keras mereka dan tunjuk ajar para guru, sudah tentu kejayaan anak-anak ini adalah juga atas berkat asuhan dan doa ibu bapa mereka.
  
18. Justeru kepada Encik Saiful Adlizai Ramli dari Jabatan Penyelidikan & Inovasi (PNI), Encik Hairul Ajiki Hashim dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Dr. Ayib Rosdi Zainun dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Profesor Madya Dr. Hasan Ahmad dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Zamzuri Hamedon dan Encik Zulkifli Yusof dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Profesor Madya Dr. Ruzaini Abdullah Arshah dan Dr. Rahmah Mokhtar dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan Encik Mat Roppi Ismail dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), diucapkan tahniah atas kejayaan anak-anak anda.

19. Saya secara peribadi mendoakan agar anak-anak yang diraikan pada petang ini diberikan kecekalan, kesabaran dan kekuatan oleh Allah Ta'ala untuk terus mencipta kejayaan demi kejayaan pada masa hadapan yang mengharumkan keluarga dan juga membahagiakan ibu bapa mereka sebagai anak yang soleh dan solehah dengan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

### **KATA PENUTUP**

20. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak BKSU di bawah pimpinan Dr. Mohamad Hilmi Mat Said atas inisiatif murni yang diambil bagi mengelolakan pelaksanaan acara pada petang ini.

21. Akhirnya, saya berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmateliharaan-Nya kepada kita semua dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kesehatan, kemakmuran, kejayaan dan kecemerlangan serta kekuatan untuk menempuh ibadah puasa bagi tahun 1438 Hijrah ini, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

dan *Ramadhan Kareem*.